

BI: Usah biarakan emosi kabui pemikiran kita

UM 15 OCT 2002

Oleh
ZULKIFLI JALIL, NIZAM YATIM
dan HELMI MOHD. FOAD

KUALA LUMPUR 14 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan kaum tertentu jangan terlalu emosional menentang pelaksanaan bahasa Inggeris (BI) dalam Sains dan Matematik di sekolah sehingga boleh menjejaskan pencapaian masyarakat berpeperangan dan Wawasan 2020.

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, semua kaum mesti mengorbankan 'perasaan terlalu sayang' kepada bahasa ibunda sendiri dengan bersama-sama Barisan Nasional (BN) menjayakan dasar baru pendidikan tersebut.

Menurut beliau, sebenarnya cadangan melaksanakan dasar itu kepada pelajar tahun satu

disebabkan kerajaan berpendapat lebih mudah didikan itu diterima dan dihayati semasa peringkat kanak-kanak.

Katanya, lebih penting lagi kajian mengenai subjek Sains dan Matematik yang ditulis dalam jurnal-jurnal barat diterbitkan hampir setiap hari dan mustahil ia mampu diterjemahkan dalam tempoh singkat.

"Jangan biar emosi mengabui pemikiran anda, kalau anda boleh buat, Malaysia tentu boleh terus mencapai keamanan dan taraf negara maju pada tahun 2020.

"Tetapi kalau ada yang menolak, nanti kita akan dapati hanya separuh sahaja yang berjaya tetapi yang lainnya masih tetap miskin dan tidak berpengetahuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen BN

Wilayah Persekutuan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Pelaksanaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik di sekolah tidak lama lagi masih dikaji sedalam-dalamnya oleh kerajaan berikutan ada pihak mahukan ia dimulakan di peringkat tahun empat dan menengah berbanding cadangan asal di tahun satu.

Baru-baru ini, Perdana Menteri turut memberi jaminan pelajar dan guru tidak akan teraniaya dan identiti kaum tidak akan lenyap apabila kerajaan melaksanakan dasar tersebut.

Menurut Dr. Mahathir lagi, beliau terkilang sedikit kerana ada pihak menentang pelaksanaan bahasa Inggeris itu sedangkan hasrat kerajaan adalah untuk melihat seluruh rakyatnya maju dalam bidang pelajaran.

Tegasnya, kepesatan teknologi hari ini sebenarnya menuntut keperluan sains dan matematik itu dipelajari serta didalami dalam bahasa Inggeris.

"Ya, kita boleh belajar dua subjek ini dalam bahasa (ibunda) sendiri tetapi perkembangan ilmu dalam bahasa lain (Inggeris) semakin pesat dan kita tidak akan terkejar," katanya.

Menurut beliau, realitinya tidak mudah untuk menterjemahkan jurnal atau kajian yang ditulis dalam bahasa Inggeris ke bahasa ibunda melainkan seseorang itu memiliki kepakaran dalam tiga aspek.

Tegasnya: "Dia mesti mahir dalam bahasa Inggeris, bahasanya sendiri dan bidang atau subjek berkenaan.

"Sebab itu semua kaum perlu berkorban, kita tak akan jadi orang putih semata-mata kita belajar bahasa Inggeris."